

**SIARAN MEDIA
JABATAN BURUH
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**BANCI TAHUNAN MAJIKAN/PEKERJA, GAJI, PENDAPATAN DAN JAM BEKERJA
BAGI TAHUN 2019
- MELALUI ATAS TALIAN - BUSINESS REPORTING SYSTEM [BRS]**

1. Jabatan Buruh, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan melaksanakan Banci Tahunan **Majikan/Pekerja, Gaji, Pendapatan Dan Jam Bekerja Bagi Tahun 2019**, menggunakan kaedah **ATAS TALIAN**, melalui **BRUNEI REPORTING SYSTEM [BRS]** di laman jaringan www.business.gov.bn/SitePages/OBR.aspx/SitePages/OBR.aspx.
2. Sehubungan dengan itu, Jabatan ini memohon kerjasama semua **Entiti Perniagaan, Institusi Swasta, Koperasi, Persatuan, Kelab dan Badan-Badan Berkanun** di Sektor Swasta yang beroperasi di Negara Brunei Darussalam, samada yang mempunyai Lesen Pekerja Asing [LPA], ataupun yang hanya menggaji tenaga kerja yang terdiri daripada anak-anak tempatan (tiada pekerja asing), yang masih berkhidmat **sehingga/ pada 30hb Oktober 2019**, supaya akan dapat memberikan/melengkapkan maklumat-maklumat para pekerja (tempatan dan asing) termasuk majikan/pemilik/pengurus, di bawah tanggungan **Entiti Perniagaan, Institusi Swasta, Koperasi, Persatuan, Kelab dan Badan-Badan Berkanun** berkenaan kedalam Borang Banci yang disediakan di laman jaringan www.business.gov.bn/SitePages/OBR.aspx/SitePages/OBR.aspx.
3. Walaubagaimanapun, **Perkhidmatan RumahTangga /Persendirian adalah di KECUALIKAN** dari melengkapi maklumat Banci berkenaan.
4. Maklumat Banci berkenaan bolehlah dilengkapi **melalui kaedah ATAS TALIAN** dilaman jaringan www.business.gov.bn/SitePages/OBR.aspx/SitePages/OBR.aspx dengan menggunakan nama pendaftaran [username] majikan/pemilik/pengurus yang diperolehi melalui pendaftaran **E_Darussalam**. Tatacara melengkapi maklumat Banci juga boleh dimuat-turun dari laman jaringan www.business.gov.bn/SitePages/OBR.aspx/SitePages/OBR.aspx atau www.labour.gov.bn

5. Maklumat Banci yang telah dilengkapkan **HANYA akan dapat diterima melalui kaedah ATAS TALIAN** dilaman jaringan www.business.gov.bn/SitePages/OBR.aspx/SitePages/OBR.aspx mulai **31 Oktober 2019** dan tarikh akhir penerimaan maklumat Banci ialah pada **30 November 2019**.
6. Pihak majikan/pemilik/pengurus adalah disarankan dan dipohonkan untuk sebolehnya dapat melengkapkan maklumat banci **Entiti Perniagaan, Institusi Swasta, Koperasi, Persatuan, Kelab dan Badan-Badan Berkanun** sendiri. Ini adalah bagi mengelakkan penyalahgunaan maklumat sulit banci oleh pihak ketiga yang telah diamanahkan untuk melengkapkan maklumat banci mereka.
7. **Resit Penyata Banci Majikan/Pekerja 2018** yang telah dikeluarkan bagi **Banci Tahunan Majikan/Pekerja 2018** adalah dimansuhkan dan tidak dapat digunakan lagi mulai **31 Oktober 2019**.
8. Banci Tahunan Majikan/Pekerja, Kadar Gaji Pendapatan dan Jam-Jam Bekerja adalah mengikut Peruntukan Akta Maklumat Pekerjaan 1974, Penggal 99 dibawah Seksyen 3(1). **Menurut Seksyen 8(1) dalam Akta berkenaan, mana-mana majikan yang a) sengaja menolak atau mengabaikan untuk memberikan butir-butir atau maklumat yang diperlukan dalam masa yang dibenarkan, atau b) dengan sengaja memberi atau butir-butir atau maklumat palsu; atau c) enggan menjawab, atau dengan sengaja memberikan jawapan palsu dalam soalan yang perlu untuk mendapatkan apa-apa maklumat atau butir-butir yang dikehendaki di bawah Akta ini, adalah melakukan satu kesalahan dan boleh didenda sebanyak Dua Ribu Lima Ratus Ringgit (\$2,500.00) dan penjara enam (6) bulan, dan jika berterusan denda sebanyak Lima Puluh Ringgit (\$50.00) sehari akan dikenakan.**
9. Untuk mendapatkan penerangan lanjut, sila rujuk ke:

**Kaunter Perkhidmatan Kajian dan Perangkaan,
 Ruang Legar Tingkat Bawah,
 Ibu Pejabat Jabatan Buruh,
 Jalan Dewan Majlis
 Negara Brunei Darussalam
 [Tel: 2383006 sambungan 1104]
 E-mel: banci.buruh@buruh.gov.bn
 Laman web: <http://www.labour.gov.bn>**

10. Kaunter perkhidmatan beroperasi pada masa-masa berikut:-

Hari:-	Pagi:-	Petang:-
Isnin – Khamis & Sabtu [tidak termasuk Cuti Awam]	8.00 Pagi – 11.30 Pagi	1.45 Petang – 3.30 Petang